

**NO. SOALAN: 323**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN  
HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN NO. 323**

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. adakah mekanisme penggredan sekolah masih diteruskan sebagaimana inisiatif yang diperkenalkan pada zaman pemerintahan Barisan Nasional ; dan
- b. apakah langkah-langkah baharu yang telah dilaksanakan dalam menyelesaikan isu guru duka lara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

**Jawapan (a)**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa urusan penggredan sekolah dilaksanakan berdasarkan kriteria penggredan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 1993. Kriteria ini menggambarkan perbezaan kompleksiti tugas dan struktur perjawatan di antara sekolah Gred A dan sekolah Gred B dalam aspek pengurusan dan pentadbiran.

## NO. SOALAN: 323

Kriteria tersebut melibatkan elemen enrolmen, lokasi sekolah, aliran sekolah (sains, sastera, teknikal dan agama), jenis sekolah (jika ada kelas-kelas integrasi), kemudahan asrama, peringkat sekolah (menengah rendah, menengah atas atau lepasan menengah), dan sesi sekolah (satu sesi pagi/petang atau dua sesi pagi dan petang).

KPM pada masa ini sedang membangunkan kriteria baharu di bawah pengklasifikasian sekolah mengikut model yang lebih komprehensif untuk menggantikan sistem penggredan sekolah bagi meningkatkan kecekapan dan tadbir urus institusi pendidikan rendah dan menengah. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih di peringkat penggubalan dan akan dikemukakan kepada agensi pusat untuk pertimbangan selepas dimuktamadkan nanti.

Pada ketika ini, KPM melaksanakan proses penajaran perjawatan guru pentadbiran antara sekolah dalam negeri yang sama bagi sekolah yang memenuhi kriteria kenaikan gred dengan sekolah yang memenuhi kriteria penurunan gred.

### **Jawapan (b)**

KPM) sentiasa berusaha untuk menyelesaikan isu pasangan guru yang tinggal berasingan. Walau bagaimanapun, isu ini akan terus wujud disebabkan pelbagai faktor seperti urusan perpindahan tempat kerja oleh pasangan guru, atau guru-guru baharu yang mendirikan rumah tangga sentiasa berlaku sepanjang tahun.

KPM memberi keutamaan kepada permohonan pertukaran guru bagi alasan mengikut pasangan, selain turut mempertimbangkan kelulusan bagi kes-kes lain seperti kes sakit kronik dan kes ancaman keselamatan. Kelulusan pertukaran guru juga bergantung kepada tiga kriteria utama, iaitu keperluan perkhidmatan, kekosongan jawatan di negeri yang dimohon dan keperluan opsyen di negeri yang dimohon.

## NO. SOALAN: 323

Dalam membuat pertimbangan terhadap keputusan kelulusan pertukaran guru dan kebijakan guru-guru, Jawatankuasa Pertukaran Guru berpandangan bahawa kebijakan dan kepentingan pembelajaran murid perlu turut diambil kira dan diberi keutamaan.

KPM dalam perancangan menawarkan penempatan semula (*redeployment*) kepada pasangan guru yang terpisah dengan menemukannya ke negeri yang mempunyai kekosongan jawatan bagi mengurangkan isu guru duka lara. KPM turut meningkatkan wajaran pertukaran guru yang terpisah dengan 30 mata kepada 40 mata atas dasar mesra keluarga.

KPM juga melantik guru interim untuk berkhidmat di Negeri Sarawak dan Sabah untuk memenuhi Dasar 90:10 (keutamaan kepada calon yang mempunyai ikhtisas/secara Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi yang layak dan tiada ikhtisas), seterusnya memberi lebih banyak peluang kepada guru-guru yang ingin bertukar keluar dari kedua-dua negeri berkenaan.

Secara keseluruhannya, KPM telah meluluskan pertukaran guru mengikut pasangan bagi sekolah rendah dan sekolah menengah seramai 15,402 orang bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 10 Jun 2019.